

## Perintah Kawalan Pergerakan

# Perkhidmatan maya meningkat ketara

Oleh:  
**SALMAH MAT HUSAIN**

**BACHOK:** Penggunaan pangkalan data atas talian dan perkhidmatan maya mencatatkan peningkatan ketara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lepas.

Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Azman Hashim berkata, analisis data berakhir 15 April 2020 menunjukkan peningkatan ketara penggunaan akses pangkalan data atas talian melalui platform proksi utama MyAthens.

Katanya, pengkalan berkenaan diselenggarakan Pejabat Perpustakaan dan Penguurusan Ilmu (PPI) bagi membendung penularan wabak Covid-19.

"Pangkalan data atas talian dan perkhidmatan maklumat maya yang diselenggarakan PPI terus beroperasi sepanjang tempoh PKP yang menjadi platform rujukan utama warga UMK.

"Sebelum PKP, PPI beroperasi melalui perpustakaan di semua kampus, namun kali ini PPI secara konsisten terus menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan maklumat atas talian," katanya di sini baru-baru ini.



Menurutnya juga pangkalan atas talian dan perkhidmatan maya menjadi wadah utama bagi warga UMK untuk mendapatkan bahan rujukan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Kata beliau, platform peralatan sokongan penerbitan seperti Grammarly dan Turnitin menunjukkan penggunaan yang ketara dengan peningkatan akses tiga kali ganda iaitu daripada 65 akses kepada 203 akses.

"Begitu juga peningkatan hampir 43 peratus penggunaan bahan bacaan digital umum seperti majalah dan surat khabar atas talian melalui platform *Pressreader*.

"Peningkatan akses ini disokong promosi kemuda-

han koleksi bahan digital yang disediakan, pelaksanaan mod pembelajaran seperti yang disarankan universiti," katanya.

Azman juga berkata, peningkatan capaian pengujung ke media sosial rasmi PPI juga meningkat sebanyak 53.19 peratus semasa PKP.

Menurutnya akses portal perpustakaan yang mencatatkan peningkatan 63.44 peratus sebanyak 63.44 peratus iaitu 7,916 akses sebelum PKP kepada 12,938 sekarang.

Sementara itu, Pustakawan PPI, Amirul Firdaus Zilah berkata, kebanyakan pakej maklumat termasuk pangkalan data utama berkaitan penyelidikan dan pembelajaran dalam koleksi perpustakaan mencatatkan penggunaan yang tinggi.

Selain itu PPI mengadakan pelbagai siri kelas pendidikan pengguna secara atas talian terutama kelas penggunaan pangkalan data data dengan kerjasama vendor mendapat sambutan menggalakkan.

"Tidak kurang 70 peserta mengikuti setiap latihan Webinar yang dijalankan menggunakan pelbagai medium persidangan maya seperti WEBEX, Zoom dan Google Meet,"ujarnya.



DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

## BUDAYA POLITIK MATANG & SEJAHTERA SUATU PENYELESAIAN



Terbitan:  
Pejabat Presiden PAS

Dapatkan Sekarang di:  
**myharakahbazaar.com**  
**03-4025 3525**



Bangunan Pusat Mahasiswa UMK Kampus Bachok.